



SIARAN MEDIA

PROGRAM HARI TERBUKA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2025

20 JULAI 2025

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menganjurkan **Program Hari Terbuka AADK 2025** yang dirasmikan Ketua Pengarah AADK, Dato' Ruslin Jusoh bertempat di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Serdang, Kedah.

Program ini bertujuan memberi informasi berkaitan perkhidmatan terkini AADK kepada semua pelanggan khususnya dalam tiga bidang teras agensi iaitu pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan. Program ini juga bertindak sebagai mekanisma untuk meningkatkan kolaboratif antara semua agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat dalam usaha kerajaan mengatasi masalah berkaitan penyalahgunaan dan penagihan dadah atau bahan sekali gus meningkatkan tahap tanggungjawab sosial korporat untuk bersama-sama menyokong proses merawat pulih serta pencegahan dadah selari dengan tema **“Insan Madani Pemangkin Kepulihan.”**

Dengan adanya Hari Terbuka AADK, secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada masyarakat melihat sendiri pendekatan **program rawatan dan pemulihan** yang digunakan oleh AADK menerusi Model i-Pulih AADK dalam membantu klien kembali ke pangkal jalan. Pendekatan program rawatan dan pemulihan yang diketengahkan AADK juga bersifat rehabilitatif dengan memberikan sokongan psikologi,

pendidikan, dan latihan kemahiran bertujuan membantu klien kembali kepada masyarakat secara produktif serta bukan bersifat menghukum.

Selain itu, platform ini turut memberi peluang kepada masyarakat untuk memahami **pendekatan pencegahan** yang dilaksanakan AADK melalui Model i-Cegah AADK yang berasaskan empat strategi utama iaitu pencegahan umum, pencegahan berfokus, intervensi awal, serta pemantauan dan penilaian berasaskan data. Ia merangkumi usaha pendidikan, intervensi komuniti dan sokongan sosial yang menyeluruh.

Dalam **bidang penguatkuasaan** pula, pendekatan Model I - Prihatin AADK yang dipamerkan dalam hari terbuka adalah menerusi tindakan berfokus melalui operasi bersepadu, saringan urin serta siasatan berasaskan risikan bagi membanteras aktiviti penyalahgunaan dadah secara berterusan. Selain itu, masyarakat juga berpeluang memahami pendekatan penguatkuasaan yang berhemah dan profesional, selaras dengan prinsip perundangan dan hak asasi serta bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi keselamatan bagi memperkukuh pemantauan di kawasan berisiko tinggi.

Berdasarkan statistik pada tahun 2024, direkodkan seramai 568 orang klien sukarela menjalani rawatan dan pemulihan di dalam institusi manakala seramai 948 orang klien sukarela menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti. Jumlah ini amat sedikit berbanding klien yang menjalani rawatan dan pemulihan secara mandatori iaitu 5,161 orang di PUSPEN manakala 52,070 orang dalam komuniti.

PUSPEN menyediakan suasana terapeutik dan kondusif untuk membantu klien menjalani proses pemulihan secara menyeluruh. PUSPEN bukanlah tempat untuk menghukum, sebaliknya lebih menekankan pendekatan

rehabilitatif yang bertujuan memberi peluang kedua kepada individu untuk berubah dan membina semula kehidupan yang lebih bermakna. Selain itu, semua klien didedahkan dengan pelbagai program rawatan, kaunseling psikologi, latihan kemahiran serta sokongan sosial bagi memastikan mereka dapat kembali berdikari dan menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Dalam program ini juga, **AADK melancarkan Model i-PULIH AADK yang baharu disesuaikan mengikut keperluan klien pada masa kini.** Pendekatan holistik ini memastikan setiap klien mendapat rawatan dan pemulihan relevan dan berkesan, sekaligus meningkatkan peluang pemulihan jangka panjang. Model ini dikemaskini mengikut trend penyalahgunaan dadah yang terkini. Intervensi yang dilaksanakan bukan sahaja memberi fokus kepada aspek sokongan psikologi dan sosial, tetapi turut merangkumi aspek perubatan yang menyeluruh demi membina semula kehidupan klien dengan lebih berkualiti. Modul ini dirangka dengan kerjasama semua pihak dan merangkumi:

- i. pendekatan bersepadu biopsikososialspiritual;
- ii. kaedah rawatan dan pemulihan berasaskan bukti;
- iii. strategi pemulihan secara berfasa yang menekankan pemeraksanaan sendiri, sokongan komuniti, pekerjaan, kemahiran dan integrasi semula dalam masyarakat, dan
- iv. garis panduan profesional untuk pegawai menjalankan tugas secara profesional dan konsisten.

#TAMAT#

**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini, sila hubungi Unit Media dan Komunikasi Korporat, Agensi Antidadah Kebangsaan di talian 03-8911 2424/ 2564